

## **Pemberontakan Brunei 1962: Peranan Pengaruh Luaran Terhadap Gerakan Subversif Parti Rakyat Brunei**

### ***The Brunei Rebellion of 1962: The Role of External Influence on The Subversive Movement of The Brunei People's Party***

Ahmad Syakir Ja'afar<sup>1\*</sup> & Azmi Arifin<sup>2</sup>

<sup>1&2</sup> Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

\* Corresponding author: ahmadsyakirjaafar@gmail.com

Received: 16 August 2025

Accepted: 19 November 2025

Published: 30 May 2026

#### **Abstrak**

Kajian ini meneliti pengaruh *Sarawak Communist Organization* (SCO) dalam Pemberontakan Brunei 1962. Pemberontakan tersebut berkait rapat dengan arus anti-kolonialisme serantau, khususnya melalui perkongsian ideologi dan sokongan luar dari Brunei, Indonesia, dan Filipina. Pada peringkat awal, kerjasama SCO dengan pihak luar menyediakan asas penting bagi strategi pemberontakan yang digerakkan oleh Parti Rakyat Brunei (PRB). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berasaskan sumber arkib dan perpustakaan, termasuk bahan daripada Arkib Negara Cawangan Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Repositori Arkib Negeri Sarawak, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, serta Perpustakaan Hamzah Sendut. Data yang diperoleh dianalisis secara naratif dengan penekanan terhadap aspek sebab dan akibat. Hasil kajian menunjukkan bahawa, walaupun sokongan awal daripada pihak luar meningkatkan keyakinan PRB untuk melancarkan strategi bersenjata dan memperkukuhkan gerakan subversif berorientasikan komunisme, pemberontakan tersebut akhirnya gagal. Kekurangan sokongan domestik dan merosotnya pengaruh luar menyebabkan kemerosotan karier politik PRB, menunjukkan bahawa strategi subversif yang dijalankan tidak berhasil dan kehilangan legitimasi dalam kalangan rakyat Brunei.

**Kata kunci:** *Sarawak Communist Organization*; Parti Rakyat Brunei; Pemberontakan 1962; Komunisme; anti-kolonialisme

#### **Abstract**

*This study examines the influence of the Sarawak Communist Organization (SCO) on the 1962 Brunei Rebellion. The rebellion was closely linked to regional anti-colonial currents, particularly through the sharing of ideology and external support from Brunei, Indonesia, and the Philippines. In its early stages, cooperation between the SCO and external actors provided a critical foundation for the rebellion strategies orchestrated by the Brunei People's Party (PRB). This study employs a qualitative research methodology based on archival and library sources, including materials from the Sarawak Branch of the National Archives, Sarawak State Library, Sarawak State Archives Repository, the Sarawak Branch of Dewan Bahasa dan Pustaka Library, and the Hamzah Sendut Library. The collected data were analyzed*

*narratively, with an emphasis on cause-and-effect relationships. The findings indicate that, although early external support boosted the PRB's confidence to launch armed strategies and strengthened the communist-oriented subversive movement, the rebellion ultimately failed. A lack of domestic support and the decline of external influence led to the deterioration of the PRB's political career, demonstrating that the subversive strategies employed were unsuccessful and lost legitimacy among the Bruneian populace.*

**Keywords:** *Sarawak Communist Organization; Brunei's People Party; Rebellions 1962 Communism; anti-colonialism*

## **Pengenalan**

Pemberontakan yang berlaku di Brunei pada 1962, yang digerakkan oleh Parti Rakyat Brunei (PRB), mempunyai kaitan dengan gerakan komunis, termasuk Parti Komunis Indonesia (PKI) dan *Sarawak Communist Organisation* (SCO), yang memberikan sokongan kepada perjuangan ini bagi menuntut kemerdekaan serta menggagalkan usaha Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, dalam membentuk Gagasan Malaysia yang merangkumi Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura, dan Brunei. Peristiwa ini menjadi titik hitam dalam sejarah Brunei dan mengejutkan negara-negara serantau, termasuk rakyat Brunei sendiri. Sepanjang pemberontakan, A.M. Azahari mendakwa berjaya menguasai 21 bandar utama di ketiga-tiga wilayah, berikutan tindakan penjajah British yang menafikan hak Brunei untuk menentukan masa depan mereka sendiri (Abu Bakar 1981). Tunku Abdul Rahman mencadangkan gagasan ini pada 27 Mei 1961 dan menghantar memorandum tersebut kepada negeri-negeri di Borneo (Simandjuntak 1985). Cadangan ini turut mendapat sokongan daripada pelbagai parti politik Brunei, termasuk *Brunei National Organisation* (BNO), *Brunei United Party* (BUP), dan *Brunei People Alliance* (BPA), walaupun pada awalnya BNO menolak cadangan tersebut kerana menuntut kemerdekaan terlebih dahulu sebelum menyertai gabungan. Pemberontakan ini turut memberi tekanan kepada Persekutuan Tanah Melayu, kerana kejayaan PRB berpotensi menjejaskan hubungan antara Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu (The Borneo Bulletin 1961; *Hansard UK Parlimen* 1962).

Parti Rakyat Brunei (PRB) merupakan parti politik pertama di Brunei yang didaftarkan secara sah, ditubuhkan oleh A.M. Azahari bersama pemimpin lain seperti H.M. Salleh dan rakan-rakannya. Dasar utama penubuhan parti ini adalah untuk menentang segala bentuk penjajahan dalam aspek politik, ekonomi, dan sosial, serta memperjuangkan kedaulatan seluruh kepulauan Alam Melayu. A.M. Azahari dipengaruhi oleh idea nasionalisme dan revolusi semasa menuntut di Institut Pertanian Bogor, serta mendapat inspirasi daripada perjuangan dan pemerintahan Presiden Sukarno pada era awal kemerdekaan Indonesia (Mohd Jamil 2003). Penubuhan PRB menimbulkan tekanan dan cabaran terhadap pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin, khususnya dari segi idea negara bangsa, walaupun perkara ini tidak bertentangan dengan sistem pemerintahan beraja yang diamalkan sekian lama di Brunei (Metassim 2004). PRB juga mempunyai hubungan dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), yang dianggap mempunyai pengaruh radikal walaupun gelaran tersebut diberikan oleh pihak penjajah British. Oleh sebab itu, pendaftaran awal PRB tidak diluluskan oleh kerajaan. Akhirnya, PRB memutuskan hubungan dengan PKMM dan menyelaraskan semula perlembagaan parti mereka agar selaras dengan keperluan negara Brunei (Mohd Jamil 2003).

Cita-cita PRB untuk menubuhkan sebuah negara bangsa yang dikenali sebagai Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) atau *Unitary States of Northern Borneo* (USNB) (C.O. 1030/1012b) merangkumi Sarawak, Sabah, dan Brunei, dengan Sultan Brunei berperanan sebagai Ketua Negara Berperlembagaan dan Berparlimen (*Constitutional and Parliamentary Head of State*). Matlamat penubuhan negara baharu ini turut disokong oleh beberapa pemimpin

berhaluan kiri dan komunis di Borneo Utara serta Sarawak (The Borneo Bulletin 1962; *Hansard UK Parliament* 1963). Satu *Joint Statement* turut ditandatangani pada 9 Julai 1961 oleh tiga pihak, iaitu Sarawak, Borneo Utara (Sabah), dan Brunei, bagi mewujudkan Perlembagaan NKKU (Zaini 1984).

Parti yang baru ditubuhkan ini berjaya menarik sokongan pelbagai pihak, terutamanya dalam kalangan rakyat Brunei yang menginginkan pembaharuan serta kebebasan daripada penjajahan. Keahlian parti meningkat kepada 16,000 orang sepanjang tahun pertama penubuhannya, termasuk ahli daripada kaum di Sarawak dan Sabah. Perkembangan ini mendorong A.M. Azahari untuk semakin berani mengkritik pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin serta menuntut pelaksanaan sistem demokrasi sepenuhnya dan pemansuhan pemerintahan raja berkuasa mutlak, yang dianggapnya tidak membawa manfaat kepada rakyat Brunei dan hanya mengutamakan kepentingan keturunan diraja. Beliau juga menentang cadangan perlembagaan baharu Brunei yang dikemukakan oleh Sultan kerana dilihat mempunyai implikasi negatif dan bertentangan dengan prinsip demokrasi (Sabihah 1999).

Semasa Suruhanjaya Cobbold membuat laporan di Sarawak dan Sabah, PRB di bawah pimpinan A.M. Azahari, bersama Parti Borneo Utara Pasok Momogun pimpinan G.S. Sundang, menghantar memorandum bantahan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mempertimbangkan cadangan mereka menubuhkan sebuah negara merdeka, bukannya mengikut acuan Persekutuan Tanah Melayu (Sa Min Daily 1962). PRB juga mengemukakan bantahan terhadap cadangan penubuhan Malaysia dengan menghantar telegram kepada Perdana Menteri British ketika itu, Harold Macmillan. Bantahan ini mencerminkan pendirian PRB yang menolak gagasan Malaysia yang dirancang untuk dilaksanakan dalam masa terdekat (C.O. 1030/1012a 1962).

Pemberontakan yang diketuai oleh A.M. Azahari ini turut didorong oleh keinginan untuk memperoleh hak mengurus pemerintahan sendiri serta bantahan terhadap pihak British yang meminta Brunei menyertai gagasan Malaysia. Walaupun pada ketika itu A.M. Azahari tidak berada di Brunei kerana berada dalam perjalanan ke New York untuk menyampaikan bantahan, pemberontakan yang berlaku diambil alih oleh pihak Indonesia, termasuk Parti Komunis Indonesia (PKI), Partindo Indonesia, Kesatuan Sekerja, dan Barisan Bersatu (Nik Anuar 2009). Mereka bertanggungjawab menghasut rakyat Brunei untuk menolak cadangan Tunku Abdul Rahman agar Brunei menyertai gagasan Malaysia, serta menjadi batu loncatan bagi SCO dalam menggerakkan gerakan subversifnya (*Hansard UK Parliament* 1963). Azahari dikenali sebagai tokoh bercita-cita tinggi dalam menggerakkan nasionalisme dan revolusi rakyat menentang penjajahan British di Brunei. Gagasan ini mula terbentuk apabila beliau terpengaruh oleh gerakan pembebasan dan nasionalisme Indonesia semasa menuntut di negara tersebut. Setelah kembali ke Brunei, Azahari aktif dalam gerakan politik dan menganjurkan siri ceramah bagi membangkitkan semangat nasionalisme dan anti-penjajah dalam kalangan rakyat. Sambutan yang positif mendorong beliau melangkah lebih jauh dengan menubuhkan sebuah parti politik sebagai wadah perjuangan menuntut kemerdekaan dan melaksanakan revolusi dalam pemerintahan (Sabihah 1999).

### **Pemberontakan Brunei 1962**

Parti Rakyat Brunei (PRB), yang ditubuhkan pada 22 Januari 1956, jelas menentang gagasan pembentukan kerajaan Persekutuan Malaysia pada 1963 yang merangkumi Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Singapura, dan Brunei. Rancangan awal PRB ialah A.M. Azahari akan melantik diri sendiri sebagai Perdana Menteri serta Menteri Hal Ehwal Luar dan Pertahanan, manakala Ahmad Zaidi<sup>1</sup> akan dilantik sebagai Menteri Ekonomi, Perdagangan, dan Perindustrian. Namun, cadangan ini ditolak oleh Sultan kerana dianggap cuba mengambil alih kuasa baginda, manakala cadangan penyatuan ketiga-tiga negeri oleh Gabenor Borneo Utara, Lord Brassey, turut ditolak (The Borneo Bulletin 1958). PRB yang memenangi pilihan

raya dengan majoriti juga dilihat mempunyai pasukan bersenjata yang dikenali sebagai Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU). Pasukan ini ditubuhkan sebagai langkah awal untuk merealisasikan idea revolusi PRB serta sebagai alternatif sekiranya perjuangan bersenjata diperlukan untuk membentuk sebuah negara demokratik sepenuhnya bagi menggantikan sistem beraja (Mohd Jamil 1994).

Sultan Brunei melihat penubuhan parti ini sebagai satu cabaran terhadap pemerintahan beraja serta bertentangan dengan hasrat dan cita-cita negara bangsa menurut acuan baginda. Kelulusan yang diberikan tidak boleh dijadikan oleh PRB sebagai tiket untuk menentang sistem beraja atau mengadakan kempen politik tanpa kawalan kerajaan. Gerakan yang tidak terkawal berpotensi menjejaskan perpaduan dan keharmonian rakyat Brunei. Kerajaan juga mengeluarkan amaran agar kempen politik tidak menggunakan dakwah atau hasutan yang boleh menjejaskan imej kerajaan. Namun, amaran ini diabaikan oleh PRB, yang sengaja mengapi-apikan semangat rakyat bagi menonjolkan diri sebagai pejuang utama dalam arena politik Brunei (Haji Awg Asbol 2008).

Pemberontakan awal di Brunei turut dipicu oleh ketidakpuasan PRB selepas pilihan raya bagi Majlis Mesyuarat Daerah (MMD) dan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) pada 20 Ogos 1962, apabila PRB memenangi 54 daripada 55 kerusi yang dipertandingkan (Fujio 2005). Kejayaan besar ini disebabkan idea dan janji PRB yang menumpukan kepada perjuangan nasib rakyat golongan pertengahan dan bawahan. Antara dasar yang diperjuangkan sepanjang tempoh pilihan raya adalah seperti meningkatkan taraf hidup rakyat dan gaji pekerja, meluaskan kedaulatan Sultan Brunei sehingga ke Kawasan Kalimantan Utara, memantapkan dasar pendidikan kebangsaan, serta memberi perhatian kepada peluang pelajar lepasan sekolah dalam pendidikan dan pekerjaan (BA/1381/78 1962). Rakyat Brunei melihat bahawa kepentingan mereka sebelum ini kurang diperjuangkan, yang tercermin melalui kemenangan besar PRB dalam pilihan raya (C.O.1030/1076 1962).

Setelah memenangi majoriti kerusi MMD dan MMN, tiada persidangan atau majlis rasmi yang dilaksanakan kecuali majlis istiadat mengangkat sumpah ahli majlis baharu serta titah rasmi Sultan Brunei pada 10 Oktober 1962 (BA/1381/78 1962). Keadaan ini menimbulkan ketidakpuasan dan bantahan dalam kalangan ahli PRB yang tidak berpuas hati dengan situasi tersebut. Antara isu yang dibangkitkan ialah hak perlembagaan negeri yang menetapkan pelantikan jawatan penting oleh Sultan Brunei atas nasihat pihak yang membentuk majoriti kerajaan. PRB menegaskan bahawa mereka sepatutnya diberikan mandat untuk memerintah sebagai parti politik yang mengikut proses perlembagaan. Mandat tersebut memungkinkan mereka membuat resolusi bagi meminda perlembagaan dan menuntut kemerdekaan daripada penjajah British pada 1963 (C.O.1030/1076 1962). Mesyuarat pertama yang dilaksanakan pada 5 Disember 1962 memberi peluang kepada PRB untuk menuntut kemerdekaan dan melaksanakan demokrasi sepenuhnya. Walaupun manifesto PRB menyokong pemerintahan beraja di Brunei dan menekankan sistem demokrasi yang memberi rakyat peluang dalam pemerintahan, banyak dasar kerajaan bertentangan dan tidak selari dengan idea PRB. Azahari mengusulkan agar 75% ahli MMN dipilih melalui proses demokrasi, bukannya dilantik terus oleh Sultan (Haji Awg Asbol 2008).

PRB tidak diberikan mandat untuk memerintah kerana wujud keraguan Sultan Brunei terhadap parti tersebut, selain PRB kehilangan majoriti apabila beberapa ahlinya menyertai blok yang menyokong pembentukan Malaysia. Keadaan ini mendorong PRB melancarkan pemberontakan pada 8 Disember 1962 di bawah pimpinan A.M. Azahari. Pemberontakan yang berlarutan hampir dua minggu itu akhirnya berjaya dipatahkan oleh pihak British (Leigh 1964).<sup>2</sup> Sultan Brunei menegaskan bahawa pilihan raya yang dilaksanakan dan kemenangan besar PRB tidak menentukan siapa yang patut memerintah; sebaliknya, perkara itu dianggap sebagai percubaan awal untuk mengukur keupayaan rakyat melaksanakan amalan demokrasi sebelum diperluas secara menyeluruh. Selain itu, Sultan masih kurang yakin untuk

melaksanakan proses demokrasi penuh pada peringkat awal kerana berpendapat bahawa keupayaan rakyat Brunei untuk memikul tanggungjawab besar masih rendah, sistem pendidikan masih kurang berkembang, dan Brunei masih bergantung kepada pegawai dari luar. Pilihan raya tersebut juga bertujuan memilih wakil rakyat untuk menyertai pentadbiran negeri bersama Sultan, bukannya untuk memerintah secara penuh (Titah 1959–1967 1971). Pendapat Sultan ini jelas bertentangan dengan persepsi ahli PRB, yang beranggapan bahawa kemenangan pilihan raya memberi mereka peluang untuk memperoleh kuasa atau berkongsi kuasa antara rakyat dan Sultan (Mohamad Abu Bakar 1981).

Idea Persekutuan Malaysia yang dibawa oleh Tunku Abdul Rahman pada mulanya diterima oleh kerajaan Brunei. Mereka melihat bahawa pembentukan Malaysia pada 1963 berpotensi mewujudkan kestabilan dan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum, khususnya di Borneo yang merangkumi Brunei, Sarawak, dan Sabah. Penggabungan ini juga dijangka memberi kelebihan dari segi politik, ekonomi, dan keselamatan daripada pengaruh komunis yang semakin berleluasa di Borneo, selain membolehkan pencapaian kemerdekaan penuh daripada penjajah British (Singh 1991). Sultan Omar Ali Saifuddin III turut bersetuju pada awalnya untuk menggabungkan Brunei bersama Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, dan Singapura yang digagaskan oleh Tunku Abdul Rahman. Langkah ini juga dijangka memberi faedah kepada perkembangan politik, ekonomi, dan sosial Brunei pada masa hadapan (Titah 1959–1967 1971). A.M. Azahari dijanjikan pelantikan sebagai pemimpin di Brunei jika Persekutuan berjaya dilaksanakan, namun cadangan ini ditolak kerana bertentangan dengan idea asal penubuhan NKKU sebagai sebuah negara republik (C.O.1030/1076 1962).

Semasa rundingan gagasan Malaysia dijalankan, Brunei pada masa yang sama menganjurkan pilihan raya pertama pada 30 Ogos 1962 bagi memilih wakil rakyat ke dalam Majlis Mesyuarat Daerah (MMD) dan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN), serta pelantikan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Haji Awg Asbol 2008). Persidangan MMN pada 18 Julai 1962 membincangkan usul untuk menyokong atau menolak idea penggabungan membentuk Persekutuan Malaysia, di mana 22 ahli bersetuju manakala empat ahli menolak usul tersebut. Sokongan ahli MMN dipengaruhi oleh keserumpunan budaya, adat, bahasa, dan agama, memandangkan majoriti masyarakat Brunei adalah Melayu. Selain persetujuan MMN, sokongan rakyat juga penting untuk mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul kemudian (C.O.1030/1012 1962). Sultan Brunei turut menunjukkan minat yang lebih terhadap gagasan Persekutuan Malaysia berbanding idea PRB untuk menggabungkan tiga wilayah Borneo iaitu Sarawak, Sabah, dan Brunei, lalu menjadi NKKU (RH51 746H.00/8-1957 1958).

Penggabungan ini turut memberi kelebihan kepada Brunei dari segi keselamatan dan kepentingan serantau. Penubuhan Malaysia dijangka meningkatkan kerjasama antara kerajaan negeri lain dalam menyediakan tenaga profesional dan mahir bagi pentadbiran Brunei. Banyak jawatan penting dibawa masuk melalui kerjasama dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, termasuk Setiausaha Kerajaan, Peguam Negeri, pegawai dalam bidang pendidikan, perubatan dan kesihatan, serta Pasukan Polis (Mohamad Abu Bakar 1981). Namun, PRB membesar-besarkan isu kemasukan pegawai luar sebagai sebahagian daripada kempen pilihan raya, yang menimbulkan sentimen negatif terhadap pegawai dari Persekutuan Tanah Melayu dan digelar sebagai proses ‘new colonialism’ secara beransur-ansur dalam pentadbiran Brunei (Mohamad Abu Bakar, 1981). A.M. Azahari berpendapat bahawa penubuhan Persekutuan Malaysia akan menjejaskan impiannya sebagai pejuang nasionalis di Borneo serta perjuangan untuk kemerdekaan penuh daripada penjajah British, dan ia juga meletakkan Brunei setaraf dengan negeri-negeri Melayu lain apabila bergabung dalam sebuah Persekutuan (Singh 1984). Keadaan ini menjadi saingan utama kepada perjuangan PRB dan perlu ditentang dengan apa jua cara kerana saluran demokrasi serta mekanisme sah menurut perlembagaan telah dinafikan (Borneo Bulletin 1961).

PRB disisihkan daripada penglibatan langsung dalam pentadbiran. Penubuhan

Persekutuan Malaysia juga menyebabkan peluang mereka untuk mentadbir semakin terhad, berikutan pertambahan kerusi dalam perkongsian kuasa bersama negeri-negeri di Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, dan Singapura. Usaha PRB untuk meningkatkan penglibatan ahli dan penyokongnya dalam pentadbiran kerajaan tidak berjaya disebabkan beberapa faktor, termasuk wujudnya perasaan curiga terhadap pegawai-pegawai luar yang dibawa masuk ke Brunei (Singh 1984). Keadaan ini terbukti apabila PRB gagal memperoleh konsesi balak dan seterusnya mengancam Pegawai Hutan Negara iaitu Encik Mohd Yakin (Ahmady t.t.).

Perjuangan PRB berubah daripada corak yang mengikut perlembagaan kepada pendekatan lebih radikal melalui penentangan secara kekerasan selepas tuntutan mereka dalam MMN pada 5 Disember 1962 gagal diterima. Mereka menuntut pemerintahan bercorak demokrasi dan pengusiran penjajahan British di Brunei, dengan tujuan mengubah penguasaan autokratik lama serta menyerahkan kuasa kepada rakyat untuk mentadbir negara (C.O.1030/464 1957). A.M. Azahari bersama rakannya, Ahmad Zaidi, memproklamasikan penubuhan NKKU di Manila semasa perjalanan ke PBB bagi mendapatkan pengiktirafan selepas meletusnya pemberontakan pada 8 Disember 1962 (James & Sheil-Small 1971). Pada April atau Mei 1962, kira-kira setengah tahun sebelum pemberontakan, PRB secara rahsia memohon bantuan Sarawak Liberation League (SLL) untuk berunding mengenai keadaan politik di Kalimantan Utara yang merangkumi Sarawak, Sabah dan Brunei. Pihak SLL yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi mereka, Wen dan Lui How Ming (Chin 1997). Kegagalan membentuk NKKU ini juga bukan kali pertama, kerana pada 1887 cadangan serupa pernah dikemukakan oleh Lord Brassey, Ahli Lembaga Pengarah *British North Borneo Company* (BNBC), namun gagal kerana NKKU dianggap hanya menjaga kepentingan ekonomi British (Zaini 2000).

### **Pengaruh Gerakan SCO dalam Politik di Brunei**

PRB sering dikaitkan dengan Barisan Pemuda Sarawak (BPS) atau *Sarawak Youth Front* (SYF) yang dipimpin oleh Ahmad Zaidi Aduce, sebuah pertubuhan sosiopolitik yang ditubuhkan di Kuching pada Jun 1947. Pertubuhan ini pada asalnya diwakili oleh pemuda Melayu Sarawak yang tidak bersetuju dengan kepimpinan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS). PKMS pula berasal daripada Persatuan Melayu Sarawak (PMS) yang diharamkan oleh penjajah Jepun. Peralihan daripada PMS ke PKMS mengubah matlamat perjuangan daripada pertubuhan berasaskan kebajikan kepada pertubuhan bersifat politik. PKMS pernah memimpin gerakan menentang penyerahan Sarawak oleh Brooke kepada pihak British, dengan tujuan menuntut penubuhan Sarawak sebagai negeri merdeka dan berkerajaan sendiri.<sup>3</sup> Walaupun BPS tidak terlibat secara langsung dalam politik Sarawak, pertubuhan ini tetap berpengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu dan memainkan peranan dalam peristiwa Pemberontakan Brunei 1962. Mereka memberikan sokongan kepada perjuangan PRB yang menentang pembentukan Malaysia dan sesetengah anggotanya turut menyertai TNKU dalam beberapa siri pemberontakan. Presidennya, Ahmad Zaidi, dilantik sebagai Jeneral TNKU (Harry 2013). Beberapa pengikut BPS turut terlibat di Bahagian Kelima Sarawak, menerima latihan ketenteraan di Indonesia, dan menyertai TNKU bagi menentang penjajahan British, namun akhirnya berjaya ditangkap pihak berkuasa (Leigh 2018).

Rancangan utama TNKU adalah menawan Istana Sultan Brunei, kediaman Menteri Besar, dan Ibu Pejabat Polis di pusat bandar Brunei. Kawalan ke atas lokasi-lokasi ini bertujuan memaksa Sultan mengisytiharkan NKKU sebagai sebuah negara merdeka (The Straits Times 1962). PRB menggunakan retorik sebagai pembela tanah air untuk mendapatkan sokongan rakyat Brunei terhadap perjuangan mereka yang bersifat subversif. Penentangan ini berjaya dipatahkan oleh unit Gurkha's Rifles dan pasukan Komanwel, yang dilengkapi senjata dan teknologi lebih canggih berbanding TNKU yang hanya menggunakan senjata tradisional

seperti senapang patah dan parang (Sarawak Tribune 1962; Ramlah 1999). Akibatnya, pemberontakan ini berjaya dihalang dan ramai ahli TNKU ditangkap atau menyerah diri kepada pihak kerajaan (Utusan Sarawak 1962).

Perkara ini dikuatkan lagi dengan sokongan Presiden Republik Indonesia sendiri iaitu Presiden Sukarno<sup>4</sup> pada 15 Disember 1962, yang menganggap tindakan rakyat Brunei sebagai perjuangan menentang penjajahan di Kepulauan Borneo (*Hansard UK Parliament* 1965). Pada masa yang sama, Pengerusi Parti 'Chinese People's Republic', Liu Shao-Chi, juga menyokong pemberontakan tersebut (FO 371/1540 1963). Sokongan Indonesia ini menimbulkan kemarahan Tunku Abdul Rahman, yang mengumumkan di Dewan Rakyat pada 11 Disember 1963 bahawa pihak Indonesia terlibat secara langsung dalam pemberontakan di Brunei. Indonesia didakwa turut memberikan latihan ketenteraan kepada Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) melalui gerakan komunis dan golongan berhaluan kiri di negara itu (Eilenberg 2012). Tunku Abdul Rahman juga menggesa Indonesia supaya tidak campur tangan dalam urusan pembentukan Malaysia, sambil menunggu keputusan Brunei sama ada bersetuju menyertai Gagasan Malaysia atau tidak (Sa Min Daily 1962).

Parti politik masyarakat Cina terbesar di Sarawak, Sarawak United People's Party (SUPP), mempunyai hubungan yang rapat dengan PRB. Hubungan ini terjalin kerana kedua-dua parti berkongsi persamaan dari segi idea pembentukan negara berdaulat dan semangat anti-penjajah yang menolak kerjasama dengan pihak British. Antara tahun 1959 hingga 1960, PRB dan SUPP merupakan pertubuhan politik terbesar dan tersusun di kawasan Borneo Utara, dengan keahlian merangkumi masyarakat di pelbagai kawasan di seluruh Sarawak. Keserupaan ideologi, iaitu berhaluan kiri dan anti-penjajah, serta matlamat dan minat yang sama menjadikan kedua-dua parti saling berkaitan dan berperanan sebagai parti pembangkang di kawasan masing-masing (Harry 2013).

PRB dan SUPP juga kerap menjemput wakil delegasi dari kedua-dua pihak dalam acara tahunan. Contohnya, pada tahun 1960, PRB menjemput tiga wakil SUPP untuk menghadiri Kongres Tahunan PRB, manakala SUPP menjemput A.M. Azahari sebagai tetamu kehormat dalam majlis sambutan ulang tahun pertama penubuhan SUPP di Kuching pada Jun 1960. Perkara ini menunjukkan hubungan rapat antara SUPP dan parti politik lain di Kepulauan Borneo (Chin 1997). Selain itu, kedua-dua pihak turut menghantar petisyen membantah laporan Cobbold kepada PBB yang dianggap tidak mencerminkan pendapat keseluruhan masyarakat Sarawak. Mereka menuntut agar PBB mengadakan pilihan raya bagi membuktikan bahawa majoriti masyarakat Sarawak menolak gagasan Malaysia, berdasarkan 122,000 tandatangan yang dikumpulkan dalam petisyen tersebut (Sa Min Daily 1962).

Propaganda yang digunakan oleh A.M. Azahari termasuk mempertikaikan kemampuan Persekutuan Malaysia dalam membendung pengaruh komunis, dengan alasan jumlah masyarakat Cina yang semakin meningkat akan setanding dengan bilangan masyarakat peribumi, terutamanya orang Melayu (Berita Harian 1962). Beliau juga memburuk-burukkan keadaan ekonomi Tanah Melayu, mendakwa ia mundur dan tidak mampu memakmurkan ekonomi di Borneo (Sa Min Daily 1962). Selain itu, Tunku Abdul Rahman dituduh ingin digelar sebagai Bapa Kemerdekaan Borneo, selepas sebelumnya digelar Bapa Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 (Singh 1984).

Gagasan Malaysia digunakan sebagai alat untuk membangkitkan sentimen dan meraih sokongan rakyat Brunei bagi melancarkan pemberontakan. PRB berhujah bahawa gagasan tersebut tidak mampu mengekang pengaruh komunis di Borneo, kerana menurut mereka, jumlah masyarakat Cina di wilayah itu akan terus meningkat dan akhirnya menyaingi populasi Melayu (Berita Harian 1962). Hal ini berjaya meningkatkan moral ahli komunis di Sarawak, terutamanya masyarakat Cina, yang beranggapan perjuangan mereka untuk menguasai Sarawak semakin hampir dan kuat dari masa ke semasa. Semasa Pemberontakan Brunei 1962 berlangsung, pihak SCO di Sarawak belum menggunakan kekerasan secara besar-besaran

kerana mereka masih menumpukan kegiatan propaganda di sekolah-sekolah untuk merekrut lebih ramai ahli melalui penglibatan pelajar, sambil menunggu masa sesuai untuk memulakan pemberontakan besar-besaran (North Borneo News and Sabah Times 1963).

Campur tangan British yang menafikan hak PRB untuk memerintah menimbulkan kemarahan terhadap institusi beraja di Brunei. Sultan Brunei dituduh bersekongkol dengan penjajah British demi kepentingan peribadi, tidak cekap, mementingkan kekayaan sendiri, dan wujudnya unsur rasuah bagi menghalalkan tindakan yang bertentangan dengan hak serta perjuangan rakyat. Pemberontakan ini dianggap wajar memandangkan kaedah demokrasi dan perlembagaan gagal dilaksanakan. PRB bertujuan mengubah sistem pemerintahan tradisional beraja kepada raja berperlembagaan untuk menghadkan kuasa Sultan (C.O. 1030/464 1958). Selain itu, pihak British menuduh Sultan Brunei sebagai dalang utama pemberontakan Disember, dengan tujuan menguasai ketiga-tiga wilayah di Borneo. Namun, tuduhan ini dinafikan oleh Sultan Brunei, kerana baginda sendiri menentang penggabungan ketiga-tiga wilayah tersebut (The Malay Mail 1963; Borneo Bulletin 1963).

Sultan Brunei menafikan tuduhan tidak berasas oleh PRB yang memburuk-burukkan pemerintahan beraja. Baginda menegaskan bahawa Brunei tidak pernah dijajah kerana masih mempunyai kerajaan yang berdaulat, dan pemerintahan yang stabil perlu dijalankan melalui kaedah evolusioner, bukannya revolusioner atau bersifat kekerasan (Berita Brunei 1958). Penubuhan Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) juga dilihat bukan bertujuan menuntut kemerdekaan daripada pihak British, tetapi lebih kepada usaha merampas kuasa sah Sultan Brunei. Cadangan pelantikan A.M. Azahari sebagai Perdana Menteri dan Sultan sebagai *Constitutional and Parliamentary Head of State* dianggap tidak munasabah, memandangkan Sultan pernah menolak idea penggabungan ketiga-tiga wilayah Borneo yang diusulkan oleh Gabenor Sarawak dan Borneo Utara (Borneo Bulletin 1958). Perkara ini jelas menjejaskan matlamat utama NKKU untuk menjadi kerajaan yang sah mengikut perlembagaan dan undang-undang (Berita Harian 1965).

Pada awal Mac 1962, dilaporkan seramai 20 hingga 50 pemberontak disyaki menyeberangi sempadan Brunei-Sarawak menggunakan pelbagai laluan untuk memasuki Indonesia bagi mendapatkan latihan bersama SCO dan TNKU (North Borneo News and Sabah Times 1962). Cawangan Khas di Sarawak menemui sejumlah senjata di Sipitang dan sempadan Sarawak pada 14 November 1962, namun tidak berjaya menjejaki asal atau pemilik senjata tersebut. Menjelang penghujung November 1962, beberapa pemuda berketurunan Brunei dilaporkan membeli pakaian seragam tentera hijau atau celoreng, kelengkapan 'army webbing haversacks' dan sarung pisau. Pada 25 November 1962, seramai sepuluh individu, terdiri daripada sembilan orang Melayu Brunei dan seorang lelaki berbangsa Cina yang disyaki anggota TNKU, ditahan di Sarawak dalam keadaan berpakaian lengkap. Mereka dilaporkan memiliki ilmu kebal, menggunakan azimat, serta merancang untuk menyerang beberapa balai polis di Sindumin, Sabah, dan Lawas, Sarawak, bagi mendapatkan senjata. Pihak kerajaan meningkatkan penglibatan *Mobile Force Police* di kawasan tersebut bagi mengawal keadaan (Amy Azuan & Aping 2017).

Pada awal 1960, Cawangan Khas Borneo Utara memulakan operasi bagi menjejaki penduduk tempatan yang terlibat dengan gerakan TNKU dan SCO. Beberapa siri penangkapan ahli PRB yang dikaitkan dengan SCO di Sarawak dijalankan sebelum pemberontakan melalui tindakan pihak keselamatan (Borneo Bulletin 1962). Ini terbukti apabila seorang pelajar berusia 18 tahun ditangkap dan hasil soal siasat mendedahkan 85 individu yang terlibat dengan pemberontakan di Sarawak (Shaw 2016). Sebelum Pemberontakan Brunei 1962, kerajaan Sarawak juga mengambil tindakan terhadap pengaruh SCO, terutamanya kalangan masyarakat Cina dan rakyat Brunei; pada Jun 1962, beberapa individu ditangkap dan dihantar pulang ke China di bawah Ordinan Orang yang Tidak Diingini (*Undesirable Persons Ordinance*). Dalam tempoh dua minggu selepas pemberontakan, seramai 35 hingga 50 individu ditangkap kerana

mempunyai kaitan dengan SCO berdasarkan bukti kukuh (Chin 1997). Sepasukan tentera British yang berpangkalan di Persekutuan Tanah Melayu (Dickens 1983) turut dikerahkan untuk menangani situasi di Borneo. Beribu-ribu anggota tentera dan komando, termasuk unit Gurkha's Rifles, dihantar ke Brunei, termasuk pasukan yang berpangkalan di New Zealand (The Times 1962).

Pemberontakan Brunei yang berlaku pada penghujung 1962 dirancang dengan teliti melalui pengumpulan pelbagai kekuatan dan ahli baharu daripada masyarakat Brunei, Sarawak, Sabah, dan Kalimantan, berlandaskan sentimen untuk mendapatkan kembali wilayah yang diserahkan oleh pemerintahan Rajah Putih kepada British serta menentang pembentukan Persekutuan Malaysia (Bradley 1968). Gerakan TNKU menumpukan usaha untuk memisahkan wilayah Borneo daripada pemerintahan kolonial British. Akibatnya, pihak kerajaan mengharamkan TNKU, PRB, dan beberapa parti politik lain yang berhaluan kiri, selain menghalang mereka menggunakan pakaian seragam, lencana secara terbuka, dan mengadakan mesyuarat sesama ahli (North Borneo and Sabah Times 1962). Sokongan yang diberikan oleh pemimpin dari Indonesia dan Filipina meningkatkan keyakinan A.M. Azahari bahawa matlamat untuk merampas kuasa pemerintahan dapat dicapai. Lawatan beliau bersama pemimpin berhaluan kiri lain ke Indonesia bertujuan mendapatkan bantuan dan sokongan ketenteraan (C.O. 1030/1076 1962). Pemberontakan ini digelar sebagai "*war of independence*" (North Borneo and Sabah Times 1962), manakala pakatan yang menyokongnya dikenali sebagai "*World revolution of new emerging forces and revolution of mankind*" (Malayan Times 1962; Malayan Times 1963).

Antara faktor kejayaan awal pemberontakan yang dicetuskan oleh PRB ialah persiapan rapi, termasuk latihan asas ketenteraan yang dijalankan di Kampung Kilanas dan latihan lanjutan bersama Tentera Nasional Indonesia (TNI) (Zaini 1989). Faktor dalaman Brunei juga menyumbang kepada kejayaan ini, kerana negara itu tidak memiliki unit ketenteraan rasmi dan hanya bergantung kepada pasukan British. Pasukan polis dan unit keselamatan tempatan adalah kecil dan sebahagiannya dipinjam daripada Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, pihak British tidak membuat persediaan rapi walaupun menyedari ancaman daripada PRB. Ancaman ini dapat dikesan melalui bukti dan peralatan yang dirampas daripada ahli PRB dan TNKU, yang bertujuan memulakan revolusi serta menimbulkan ketidakstabilan politik di Brunei (C.O. 1030/1076 1962).

Sultan Brunei juga tidak menjangkakan berlakunya pemberontakan kerana beranggapan PRB hanya akan mengadakan bantahan secara terkawal. Barang dan alatan yang dirampas turut dianggap ringan, kerana baginda melihat rakyatnya masih hidup dalam suasana harmoni dan menganggap hanya sekumpulan kecil mempunyai kecenderungan radikal yang tidak akan menggugat pentadbiran (Borneo Bulletin 1962). Pemberontakan akhirnya gagal disebabkan tekanan hebat daripada pasukan British yang terlatih intensif dan dilengkapi senjata lebih canggih. Seramai 2,000 orang ditangkap dan 100 terkorban (Borneo Bulletin 1962). Darurat politik diisytiharkan dan perintah berkurung dilaksanakan bagi mengembalikan keamanan dan keselamatan rakyat. Parti PRB turut diharamkan kerana menyebabkan ketidakstabilan dan mengancam pentadbiran Brunei. A.M. Azahari melarikan diri, sekali gus melemahkan pengaruh PRB dalam menyokong SCO di Sarawak (Mohamad 1981; Pelita Brunei 1962).

Pada masa yang sama, pemberontakan PRB semasa Pemberontakan Brunei 1962 secara langsung merenggangkan hubungan dengan SUPP. SUPP mula menjauhkan diri daripada PRB bagi mengelak dikaitkan dengan pemberontakan, walaupun ramai ahli SUPP sebenarnya terlibat dalam kegiatan pemberontakan di Bahagian Keempat dan Kelima di Sarawak. Kejadian ini turut menyebabkan ramai ahli SUPP meninggalkan parti kerana dikaitkan dengan gerakan SCO dan ditangkap pihak kerajaan. Penangkapan bekas ahli SUPP yang terlibat dengan gerakan komunis memberi peluang kepada parti untuk menyatukan kembali ahli dan mengawal

organisasi dengan lebih seimbang (The Sarawak Tribune 1962).

Walaupun pemberontakan ini berlaku pada penghujung 1962 dan hanya berlangsung selama dua minggu, ia meninggalkan pelbagai implikasi dalaman dan luaran bagi Brunei, termasuk menjadi titik permulaan kepada gerakan subversif komunis di Sarawak. Pemberontakan ini turut meningkatkan semangat pihak Indonesia untuk meneruskan tindakan agresif (Emyzul 2019). Walaupun berlangsung kurang dari sebulan, pemberontakan ini gagal disebabkan bantuan ketenteraan yang diberikan kepada Sultan Brunei oleh Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, Lord Selkrik, melalui Perjanjian 1959 antara Brunei dan British (Pelita Brunei 1962).

### **Kemerosotan Pengaruh PRB di Brunei**

Perpecahan dalam Parti Rakyat Brunei (PRB) menempatkan parti tersebut di ambang kejatuhan. Pengaruh komunisme, perpecahan dalaman, serta kegagalan pemberontakan pada 1962 menyebabkan ramai ahli keluar dan menubuhkan parti baharu bagi meneruskan agenda nasionalisme rakyat Brunei. PRB semakin ditolak kerana dikaitkan dengan pengaruh komunisme yang menimbulkan perpecahan kaum, terutamanya di Brunei, Sarawak, Sabah, dan Kalimantan. Beberapa pemimpin PRB menubuhkan Parti Kebangsaan Brunei (BNO) yang berasaskan *United Malay National Organization* (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) di Tanah Melayu pada 1960, dengan pengaruh tertumpu di kawasan Tutong, Brunei. Selain itu, Parti Bersatu Brunei (BUP) ditubuhkan pada Disember 1961, menyokong gagasan Malaysia dan memperjuangkan penyertaan Brunei dalam Persekutuan tersebut (Haji Awg Asbol 2008).

Setelah pemberontakan berakhir, Sultan Brunei menubuhkan jawatankuasa khas yang dipimpin oleh Menteri Besar bagi menangani masalah rakyat yang terkesan, termasuk membekalkan bantuan makanan, perubatan, dan sokongan moral (Utusan Sarawak 1962). Kesan peristiwa ini turut menimbulkan implikasi politik antarabangsa, kerana beberapa pihak menyokong perjuangan PRB atas dasar anti-penjajahan, seperti PKMM, Parti Rakyat Singapura, dan PKI di Indonesia (Sarawak Tribune 1962; Borneo Bulletin 1963). Sebaliknya, majoriti parti politik di Sarawak dan Sabah mengecam tindakan PRB kerana parti ini memperkukuhkan pengaruh SCO dan hubungan kedua-duanya yang rapat (Sarawak Tribune 1962; Utusan Sarawak 1962).

Penolakan Brunei untuk bergabung membentuk Malaysia menyebabkan kerajaan Persekutuan menarik semula pegawai-pegawai kanan yang dipinjamkan ke dalam pentadbiran Brunei. Akibatnya, Brunei menghadapi kekurangan pegawai dan terpaksa mengadakan perjanjian dengan pihak British untuk mengisi jawatan penting dalam pentadbiran. Keadaan ini menjejaskan kedudukan Brunei sebagai sebuah entiti berdaulat kerana pengaruh pegawai British dalam pentadbiran dan dasar kerajaan berlanjutan sehingga kemerdekaan Brunei pada 1979 (Haji Awg Asbol 2008).

Pada masa yang sama, Filipina yang pada awalnya menyokong pemberontakan PRB menarik semula sokongan. Sokongan awal diberikan untuk membantu PRB mencapai kemerdekaan daripada penjajah British dan disokong oleh ramai pemimpin serta ahli kongres Filipina. Mereka meminta kerajaan Filipina di bawah Presiden Diosdado Macapagal memberikan bantuan kepada perjuangan PRB supaya rakyat Brunei dapat menentukan nasib mereka sendiri melalui proses demokrasi (Zaini 1989). Sokongan ditarik balik disebabkan kepentingan nasional Filipina dalam pertubuhan *Association of Southeast Asia* (ASA), yang menjadi penghalang kepada perkembangan gerakan komunis di Asia Tenggara. Apabila pendirian Filipina berubah, Macapagal mengarahkan agar isu PRB tidak dibangkitkan di PBB dan pusat gerakan NKKU di Filipina dipindahkan. Hubungan antara PRB dan Filipina tamat secara rasmi selepas itu (Malayan Times 1963).

### Kesimpulan

Analisis Pemberontakan Brunei 1962 menunjukkan bahawa pengaruh luaran memainkan peranan penting terhadap dinamika gerakan subversif Parti Rakyat Brunei. Strategi British, walaupun pada awalnya kelihatan tidak campur tangan, secara tersirat membolehkan mereka mengawal keadaan, mengukuhkan kedudukan politik dan mengekalkan penguasaan ekonomi, khususnya dalam industri minyak. Kejadian pemberontakan turut dijadikan justifikasi untuk menanggung proses pembangunan Brunei, sementara cadangan penyertaan negara ini ke dalam Persekutuan Malaysia memperlihatkan bagaimana kuasa luar terus memanfaatkan peluang untuk mempengaruhi proses politik dan demokrasi di wilayah tersebut. Tambahan pula, tindak balas negara jiran seperti Filipina turut mencerminkan kepentingan geopolitik dan strategi serantau dalam mempengaruhi keputusan serta tindakan PRB. Secara keseluruhan, Pemberontakan Brunei 1962 menegaskan bahawa interaksi antara faktor domestik dan pengaruh asing adalah sangat menentukan dalam memahami hala tuju politik, pembangunan ekonomi, dan kestabilan negara. Kajian ini menunjukkan bahawa untuk menilai gerakan politik dalam konteks Brunei, perlu diberi perhatian khusus kepada peranan kuasa luar, kerana mereka bukan sahaja mempengaruhi tindakan gerakan subversif, tetapi juga membentuk kerangka struktur politik dan ekonomi negara pada masa itu.

### Penghargaan

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penilai tanpa nama yang dilantik oleh MINDEN Journal of History and Archaeology atas ulasan kritis, cadangan serta komen membina yang amat bernilai dalam menambah baik artikel ini.

### Nota

1. Tun Datuk Patinggi (Dr.) Ahmad Zaidi Aduce dilahirkan di Sibu, Sarawak pada 29 Mac 1924 dan merupakan Yang di-Pertua negeri Sarawak menggantikan Tun Abdul Rahman Ya'kub pada 1985 dan berkhidmat selama tiga penggal. Beliau mendapat pengajian tinggi di Institut Pertanian Bogor dan disini beliau berjumpa dengan A.M. Azahari yang kemudiannya menjadi sahabat dan turut memberikan kesetiaan bagi membentuk sebuah Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) dan merupakan Presiden Barisan Pemuda Sarawak (BPS). Beliau mempunyai kerjaya politik yang bergolak pada awal penglibatannya.
2. Mengikut dakwaan pihak British juga, Sultan Brunei disyaki bersekongkol dengan Parti Rakyat Brunei yang memenangi majoriti kerusi dalam pilihan raya bertujuan untuk mendapatkan kemerdekaan awal dari pihak British dan akan dijadikan alasan untuk menolak penyertaan dalam pembentukan Malaysia. Selain perkara itu akan mengembalikan semula kedaulatan Brunei yang direbut oleh pembesar-pembesar di Brunei. Hansard UK Parliament, *Malaysia Bill*, Volume 681: debated on Friday 19 July 1963. dan C.O. 1030/1076, Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962. Pihak British turut didakwa terlibat dalam pemberontakan ini bagi mengukuhkan pengaruh dan kuasa mereka dan melemahkan pengaruh Sultan Brunei dalam pentadbiran. C.O. 1030/462, *Letter From Anthony Abell to E. Melville*, 6 Oktober 1958.
3. PKMS dipimpin oleh Abang Haji Zaini sebagai Presiden dan Timbalannya ialah Abang Haji Openg. BPS pula merupakan pecahan ahli PKMS yang tidak bersetuju dengan kepimpinan autokratik ahli veteran dan menganggap PKMS sebagai pertubuhan tua yang konservatif. Presiden pertamanya ialah Abang Mohd. Kassim Taha. Ho Hui Ling, "Pertubuhan-Pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak Tahun 1946-1963," *Malaysia dari Segi Sejarah*, 2000, hlm. 73.

4. Sukarno juga mendakwa penggabungan Sarawak dan Sabah hanyalah untuk menambah bilangan pengundi bumiputera bagi menyaingi undi masyarakat Cina. Sahul Hamid Mohamed Maiddin, *Microphone Republic: Propaganda and Indoctrination in Guided Democracy Indonesia*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2023, hlm. 300.
5. Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) diumumkan pada 8 Disember 1962 oleh Parti Rakyat Brunei (PRB) pimpinan A.M. Azahari melalui *Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU)*. Tujuan utama penubuhannya ialah menolak pembentukan Persekutuan Malaysia dan menggantikannya dengan sebuah republik yang menyatukan Brunei, Sarawak & Sabah (Borneo Utara). NKKU bertujuan menamatkan kolonial British serta menubuhkan pemerintahan sendiri berasaskan ideologi nasionalisme di Borneo. Namun, ia gagal kerana kurang sokongan, mendapat tentangan Sultan Brunei, serta tindakan ketenteraan British dalam menggagalkan pemberontakan Brunei 1962. Walaupun wujud secara singkat dan tidak pernah diiktiraf, gagasan NKKU menjadi simbol penentangan tempatan terhadap projek Malaysia serta mencerminkan aspirasi politik alternatif di Borneo awal 1960-an.

### Bibliografi

- Ahmady Hassan. (t.t.). *Ke Mana Azahari?*. Alor Star: United Development Cooperation.
- Amy Azuan Abdullah & Aping Sajok. (2017). "Pemberontakan Weston 1962." *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)* Vol. 1(1): 45-57.
- BA/1381/78. *Kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan ke 66*. 21 Mac 1962.
- BA/13845/78. *Kertas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan*. 10 Oktober 1962.
- Berita Brunei*. 23 Januari 1958.
- Berita Brunei*. 22 November 1962.
- Berita Brunei*. 25 Disember 1965.
- Borneo Bulletin*. 15 Februari 1958.
- Borneo Bulletin*. 29 Disember 1962.
- Borneo Bulletin*. 3 Jun 1961.
- Borneo Bulletin*. 8 Disember 1962.
- Borneo Bulletin*. 27 Julai 1963.
- Borneo Bulletin*. 22 Disember 1963.
- Bradley, C.P. (1968). "Communal Politics in Malaysian Borneo." *Western Political Quarterly* Vol. 21(1): 123-140.
- Chin Ung-Ho. (1997). *Chinese Politics in Sarawak: A Study of the Sarawak United People's Party*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- C.O. 1030/1012a. *From Reginald Maudling To Sultan Omar Ali Saifuddien III*. 9 Mac 1962.
- C.O. 1030/1012b. *Greater Malaysia: Brunei Aspects*.
- C.O. 1030/1076. *Brunei Disturbance. Office of His Excellency The High Commissioner For Brunei to The Rt. Hon'ble the Secretary of State*. Colonial Office. 20 Disember 1962.
- C.O. 1030/464. *Letters From Mr. J.B. Johnston. Colonial Office. London to Sir Anthony Abell. Constitution of Brunei*. 6 Julai 1957.
- C.O. 1030/464. *Memorandum on Constitutional Proposal. Constitution of Brunei*. 1957.
- C.O. 1030/462. Letter From Anthony Abell to E. Melville. 6 Oktober 1958.
- Dickens, Peter. (1983). *SAS: The Jungle Frontier. 22 Special Air Services Regiment in the Borneo Campaign 1963–1966*. London: Arms and Armour Press.
- Eilenberg, M. (2012). *At the Edges of States: Dynamics of State Formation in the Indonesian*. Leiden, Netherlands: Brill Publishers.
- Emyzul Ismail. (2019). "Kerjasama Sarawak dan Kalimantan dalam Menghadapi Ancaman

- Komunis, 1963-1974.” *Borneo Research Journal* Vol. 13(1): 24-48.
- FO 371/1540 - Support for Brunei Rebels. 21 April 1963.
- Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2008). “Ke Arah Pembentukan Wajah Negara Bangsa: Hasrat Arkitek Brunei Moden, 1950–1967.” *Historia Journal of Historical Studies*, 9, 89-109.
- Hansard UK Parliament. (1965). *Foreign Affairs*. Volume 722: debated on Monday 20 December 1965.
- Hansard UK Parliament. (1963). *Singapore (Detained Persons)*. Volume 671: debated on Monday 4 February 1963.
- Hansard UK Parliament. (1963). *Malaysia Bill*. Volume 681: debated on Friday 19 July 1963.
- Hansard Parlimen. (1962). *Persekutuan Tanah Melayu*. 14 Disember 1962.
- Hara, F. (2005). “The North Kalimantan Communist Party and the People’s Republic of China.” *The Developing Economies* 43(4): 489-513.
- Harry, K. (2013). *The Brunei Rebellion of 1962*. Tesis Phd. Australia: Charles Darwin University.
- Ho Hui Ling. (2000). “Pertubuhan-Pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak Tahun 1946-1963.” *Malaysia dari Segi Sejarah* 28: 72-117.
- RG51 746H.00/8-1957 HBS. (1958). *Recent Development in British Borneo*. Foreign Service Despatch from American Consulate General. Singapore to the Department of State Washington. 25 Jun 1958.
- James, H.D. & Small, D.S. (1971). *The Undeclared War: The Story of the Indonesian Confrontation 1962-1966*. Singapore: Asia Pacific Press.
- Leigh, M.B. (1964). *The Chinese Community of Sarawak: A Study of Communal Relations*. Singapore: Malaysia Publishing House Ltd. No. 5. Singapore Studies on Malaysia.
- Leigh, M.B. (2018). *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Malayan Times*. 11 Disember 1963.
- Malayan Times*. 12 Disember 1962
- Malayan Times*. 23 April 1963.
- Metassim Haji Jibah. (2004). *Perkembangan Politik Brunei 1945-1962*. Brunei: Pusat Sejarah Brunei.
- Muhammad Abu Bakar. (1981). “Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia.” *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, Bil. 10: 118-141.
- Mohd. Jamil Al-Sufri. (2003). *8 Disember: Dalangnya Siapa?*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd. Jamil Al-Sufri. (1994). “Brunei di Tengah-tengah Nusantara”. *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2009). *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- North Borneo and Sabah Times*. 21 Mei 1958.
- North Borneo and Sabah Times*. 12 Disember 1962.
- North Borneo and Sabah Times*. 22 April 1963.
- North Borneo and Sabah Times*. 25 Disember 1962.
- North Borneo and Sabah Times*. 4 Disember 1962.
- Pelita Brunei*. 31 Disember 1962.
- Ramlah Adam. (1999). “Peranan Pengaruh Luar (Tokoh dan Akhbar) dalam Gerakan Nasionalisme Brunei”. Masa Silam Saranan Masa Depan. *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei II*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Ranjit Singh, D.S. (1991). *Brunei 1839-1983 The Problems of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.
- Sabihah Osman. (1999). “Nasionalisme di Brunei, Sabah dan Sarawak.” *Jurnal Darussalam*.

- Bil. 3: 66-97.
- Sahul Hamid Mohamed Maiddin. (2023). *Microphone Republic: Propaganda and Indoctrination in Guided Democracy Indonesia*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sa Min Daily*. 2 Oktober 1962.
- Sa Min Daily*. 26 September 1962.
- Sa Min Daily*. 4 Oktober 1962.
- Sa Min Daily*. 8 September 1962
- Sa Min Daily*. 11 September 1962
- Sa Min Daily*. 2 Oktober 1962.
- Sarawak Tribune*. 12 Disember 1962.
- Sarawak Tribune*. 14 Disember 1962.
- Sarawak Tribune*. 13 Disember 1962.
- Shaw, N.A. (2016). "British Counterinsurgency in Brunei and Sarawak. 1962–1963: Developing Best Practices in the Shadow of Malaya." *Small Wars & Insurgencies* Vol 27(4): 702–725.
- Simandjuntak, B. (1985). *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963. Satu Kajian Mengenai Masalah-Masalah Persekutuan di Dalam Sebuah Masyarakat Majmuk*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Titah 1959-1967. (1971). *Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Haji Omar Ali Saifuddien Khairi Waddin*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Borneo Bulletin*. 1 Julai 1961.
- The Borneo Bulletin*. 15 Februari 1958.
- The Borneo Bulletin*. 15 September 1962.
- The Malay Mail*. 22 Julai 1963.
- The Sarawak Tribune*. 10 Disember 1962.
- The Straits Times*. 12 Disember 1962.
- The Times*. 11 Disember 1962.
- Utusan Sarawak*. 13 Disember 1962.
- Utusan Sarawak*. 27 Disember 1962.
- Zaini Ahmad. (2000). *Gerakan Kebangsaan di Brunei 1939-1963*. Tesis Ijazah PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zaini Ahmad. (1984). *Brunei Ke Arah Kemerdekaan*. Selangor: Zaini Haji Ahmad. Taman Melawati. Ulu Klang.
- Zaini Ahmad. (1989). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei, 1939-1963*. Kuala Lumpur: Percekatan Sentosa Sdn. Bhd.